

POLITIK DAN INTERTEKSTUALITI DALAM *JUARA*

(Politics and Intertextuality in Juara)

Tuan Rasmawati Raja Hassan
rasmawati.ukm@gmail.com

Mawar Safei
mawar.safei@ukm.edu.my

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak

Makalah ini menumpukan pemerhatian terhadap hubungan dan proses antara teks dalam penghasilan novel Melayu. Hubungan dan proses itu dikaitkan dengan intertekstualiti, iaitu fenomena wujudnya teks dalam sebuah teks atau hal yang dinamakan dialog antara teks. Kerangka kajian ini memanfaatkan gagasan oleh Julia Kristeva. Rumus intertekstual tersebut membentangkan hubungan antara hipoteks (cerpen) dengan hiperteks (novel) bagi melihat makna, proses yang diajukan dan kewajaran ia dilakukan pengarang. Kajian ini merujuk kepengarangan S. Othman Kelantan yang memperlihatkan kecenderungan dan ketekalan terhadap karya yang bersifat intertekstual. Novel yang menjadi mauduk kajian ini ialah *Juara*. Kajian ini menemukan bahawa dalam kerangka intertekstualiti, kepengarangan S. Othman Kelantan memperagakan kesetiaannya terhadap teks awal dalam genre cerpen yang kemudian dikembangkan menjadi novel. Hal ini berlaku terhadap *Juara* yang dikembangkan daripada cerpen “Pahlawan Lembu”. Laggam kepengarangan S. Othman Kelantan menunjukkan sensitifnya pengarang terhadap cuaca politik semasa; keyakinan dan ideologinya dibancuh sama secara metaforikal dalam *Juara*. Hubungan intertekstualiti dalam cerpen ke novel dalam *Juara* termasuklah tema dan plot, yang dikerjakan pengarang melalui proses transformasi, eksistensi dan modifikasi. Proses yang dilakukan oleh pengarang ini akibat beberapa faktor antaranya persekitaran, latar peribadi dan pengalaman hidup.

Kata kunci: S. Othman Kelantan, novel Juara, cerpen “Pahlawan Lembu”, Julia Kristeva, intertekstualiti

Abstract

This article focuses on the interrelationship between texts in Malay novels, and the processes that take place related to intertextuality. For the framework of this study, the intertextuality theory of Julia Kristeva was used. This theory is concerned with the relationship between the hypotext (short story) and hypertext (novel) in order to study meaning, the process presented and the author's rationale. This study focuses on the writings of S. Othman Kelantan, who appears to have a tendency towards producing intertextual works, focusing on his novel Juara. The study reveals that with reference to intertextuality, the writings of S. Othman Kelantan display a loyalty towards the prior text, as well as to the short story genre. Juara, which is an expansion from the short story “Pahlawan Lembu”, is an example of this. The style of S. Othman Kelantan's writing reveal his sensitivity towards the contemporary political climate; his conviction and ideology is presented in metaphor in Juara. The intertextual relationship between the short story and the novel Juara is evident in both theme and plot. The writer employs transformation, extension and modification, influenced by several factors including environment, personal background and his own life experience.

Keywords: S. Othman Kelantan, Juara, “Pahlawan Lembu”, Julia Kristeva, intertextuality

PENDAHULUAN

S. Othman Kelantan merupakan antara pengarang Melayu yang banyak menghasilkan karya berlatarkan zaman selepas perang. Antara karya yang lahir pada dekad ini ialah *Juara* (1976). Melalui pemahaman terhadap novel tersebut, didapati bahawa pemikiran politik dan perjuangan Melayu S. Othman Kelantan tergambar dalam setiap wataknya sekali gus menjadi refleksi politik Melayu Kelantan dekad 1960-an. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa novel ini merupakan sebuah novel politik,¹ berikutan kenyataan pengarangnya bahawa novel *Juara* merupakan gambaran penglibatan beliau secara langsung dalam politik (S. Jaafar, 1986: 18). Hal ini pernah diluahkan S. Othman Kelantan secara tamsilan bahawa beliau menyamakan politik dengan lembu. Juara di bon pula disamakan dengan orang yang bertanding dalam pilihan raya. Namun begitu, Mana Sikana pernah mengutarakan pendapat yang sebaliknya, bahawa *Juara* bukan merupakan novel politik. Hal ini disokong dengan kenyataan Hanapi Dollah (2004) bahawa *Juara*

hanyalah sebuah novel naratif budaya. Novel ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris, Singhale dan Perancis.

Juara mengandungi lima bab dengan 30 cerita. Novel ini mengangkat konflik masyarakat Melayu di daerah Pattani, Thailand yang penuh dengan sifat dendam kesumat yang secara jelasnya diperagakan menerusi watak Mamat dan Pak Isa. Mamat digambarkan sebagai seorang yang mahu membalas dendam terhadap kematian rakannya Abang Lazim, akibat dibunuh oleh Pak Isa. Peristiwa sebelumnya terjadi apabila pertarungan laga lembu antara Calet milik Mamat dengan Abang Lazim menumpaskan lembu Pak Isa. Namun, kemenangan itu menerusi jalan tipu muslihat. Calet dilepaskan agak lambat ke dalam bon sehingga mengakibatkan pergerakan lembu lawannya dikesan sedari awal. Akibat daripada rasa tidak puas hati tersebut, pelbagai peristiwa pembunuhan demi pembunuhan antara kedua-dua pihak berlaku yang akhirnya mengheret kepada peleraian yang dramatik.

Novel ini antara lain merupakan hasil ekspansi daripada cerpen “Pahlawan Lembu” (1969). Berdasarkan kenyataan pengarang bahawa lanjutan cerita ini kepada genre novel adalah untuk mempertegaskan pegangan dalam dirinya bahawa politik itu satu “pertaruhan” (Ahmad Kamal, 1993:227). Persamaan lain turut dikesan melalui peragaan isu, plot, watak dan latar yang dilanjutkan pengarang dalam hiperteksnya. Cerpen “Pahlawan Lembu” mengisahkan kemenangan Calet, seekor lembu milik seorang juara bernama Mamat dalam pertandingan laga lembu. Calet menewaskan Langsung, lembu jantan kepunyaan Pak Isa. Kemenangan itu seakan-akan memberikan sinar baharu kepada Mamat kerana dia berhasil membawa pulang wang bernilai ribuan baht.

Sebelum ini Mamat sering dileteri isterinya, Minah, berikutan sikapnya yang leka dengan perlawanan laga lembu sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga. Namun, kemenangan Mamat itu telah menyebabkan kematian lembunya Calet dan rakannya Abang Lazim. Mereka mati ditembak oleh Pak Isa yang bertindak di luar kawalan apabila dia tidak dapat menerima kekalahananya.

Dilihat bahawa S. Othman Kelantan “membenarkan” kemenangan pada watak sesuai dengan ciri tempatan. Kemiskinan hidup masyarakat Kelantan di Pattani yang diwakili watak Mamat seakan-akan dapat ditanggapi melalui cara mendapatkan wang daripada perlagaan lembu. Menerusi novel *Juara*, S. Othman Kelantan bertindak “menghalalkan” kegiatan haram di sisi Islam, iaitu perjudian. Pertandingan laga lembu seolah-olah menjadi sebahagian sumber pendapatan selain berfungsi sebagai hiburan. Namun, di sudut lain,

pengarang cuba menyampaikan mesej bahawa para politikus yang berada dalam dunia politik sama seperti dua ekor lembu yang berlaga sesama sendiri, demi mendapatkan keuntungan yang tak seberapa dan sanggup jatuh-menjatuhkan antara satu sama lain. Perlakuan dan perbuatan itu adalah lumrah dalam dunia politik. Politikus juga digambarkan seperti lembu yang boleh dicucuk-cucuk hidungnya dan membiarkan sahaja diri mereka digunakan dan menggunakan sesama sendiri demi kepentingan masing-masing.

Juara kemudiannya diadaptasikan² dalam filem yang berjudul *Jogho* pada tahun 1999 dan diarahkan oleh U-Wei Haji Shaari (Dharmawijaya, 2004: 20). Menurut Hanapi Dollah (2004:230), perpindahan daripada sebuah novel kepada sebuah filem secara tidak langsung menunjukkan naratif yang menarik dan mudah difahami serta dihayati. Media filem lebih hampir kepada realiti kehidupan seharian. Perbezaannya daripada realiti ialah filem dilakonan. Naratif sebegini sarat dengan fakta budaya.

Jogho berhasil meraih anugerah tertinggi di Festival Filem Malaysia dan Anugerah Skrin anjuran TV3. Filem yang dibintangi Khalid Salleh dan Normah Damanhuri ini meraih lima anugerah Festival Filem Malaysia ke-14 termasuk “Filem Terbaik”, walaupun belum ditayangkan kepada umum di beberapa buah negeri dan lewat tayangan di Kuala Lumpur. Khalid Salleh turut dinobatkan sebagai “Pelakon Lelaki Terbaik” dalam Festival Filem Asia Pasifik. Filem *Jogho* turut mencipta sejarah cemerlang apabila menjadi filem Melayu pertama terpilih untuk di tayangkan di Festival Filem Cannes.

Kemiskinan hidup merupakan salah satu tema yang tidak asing bagi pengarang Melayu. Pelbagai pelukisan latar dan pewarnaan watak diberikan untuk menggambarkan betapa masyarakat Melayu masih dibelenggu kemiskinan. Sama juga halnya dalam genre filem, terdapat beberapa buah filem yang mengangkat isu kemiskinan misalnya *Children of Heaven*³ dan *Slumdog Millionaire*.⁴

Didapati bahawa pengadaptasian daripada novel kepada filem berjaya mengangkat taraf filem Melayu ke peringkat global, walaupun kutipan panggung tidak begitu memberangsangkan.⁵ Walaupun gagal meraih kutipan pecah panggung, namun *Jogho* dianggap antara filem yang berkualiti kerana kaya dengan unsur tempatan dan falsafah politik. Memetik kata-kata Afdlin Shauki, “filem bukan sekadar medium untuk berhibur tetapi juga berfungsi sebagai alat untuk mendidik masyarakat”. Pelbagai punca kegagalan sesebuah filem yang diadaptasi walaupun novel asalnya merupakan sebuah karya terkenal misalnya persepsi masyarakat, kurang promosi, persaingan, kos penerbitan yang tinggi dan faktor luaran yang lain. Dikesani, novel serius

lain yang diangkat kepada filem tidak berjaya menarik perhatian khalayak, seperti yang berlaku kepada filem *Ranjau Sepanjang Jalan* (1983).

Ramai penerbit filem kini yang lebih cenderung memilih trend budaya popular seperti gejala mat rempit dan percintaan sebagai bahan penceritaan ringan bagi meraih kutipan tiket yang tinggi. Tidak hairanlah filem adaptasi *Ombak Rindu* (2011) dan *Lagenda Budak Setan* (2010) meraih kutipan sehingga RM 10.9 juta dan RM 4.28 juta, sedangkan terlalu banyak novel berkualiti dan telah mencatat jualan ratusan ribu unit terbiar di rak-rak buku perpustakaan mahupun di stor Dewan Bahasa dan Pustaka sejak sekian lama.

Menurut pengarah filem dan drama Mior Hashim Manap, terdapat banyak novel berpotensi di negara ini yang boleh diangkat ke filem misalnya *Hujan Pagi* karya A. Samad Said dan *Pantai Harapan* tulisan Arenawati. Namun begitu, kesedaran ke arah itu agak tipis kerana penerbit mahupun pengarah lebih terarah untuk menerbitkan karya popular berbanding membuat kajian serta perhatian terhadap tema berat yang biasanya terkandung dalam novel serius. Beliau turut melalui pengalaman tersebut apabila usahanya untuk mengangkat novel popular berjudul *Warkah Cinta Berbau Syurga* nukilan A. Ubaidillah Alias terhenti di tengah jalan kerana kurangnya sokongan semua pihak.

Jika di Barat terutamanya Hollywood, banyak novel penulis tersohor Barat tidak disia-siakan dan diangkat serta dikembangluaskan melalui filem. Contohnya, Charles Dicken menerusi novelnya *Oliver Twist* (1837), telah banyak kali diangkat sama ada menerusi layar perak. Biarpun novelnya itu berusia lebih 100 tahun, tetapi masih relevan dan menarik untuk difilemkan sehingga kini. Watak adisatria seperti Batman, Spider-Man dan Superman pula merupakan watak popular daripada komik yang telah banyak kali dipindahkan plot serta penceritaannya di layar perak. Novel *Harry Potter* yang berunsur fantasi sebanyak tujuh siri garapan J.K Rowling turut diadaptasikan ke filem dan meraih kutipan berbilion ringgit.

JULIA KRISTEVA DAN INTERTEKSTUALITI

Julia Kristeva merupakan tokoh yang mengembangkan lagi teori dialogik Bakhtin ini. Kristeva tidak lagi menggunakan istilah *dialogic* tetapi menggantikannya dengan *intertextuality*. Konsep intertekstualiti pertama kali diperkenalkan Kristeva kepada khalayak kesusasteraan Perancis pada tahun 1960-an menerusi tulisannya "*Le mot, le dialogue et le roman*" (Mawar, 2005: 22). Fahaman intertekstualiti dalam kajian ini adalah berdasarkan definisi asas Kristeva bahawa "... any text is the absorption and transformation of

another” menerusi *Semiotika and Desire in Language: A Semiotic Approach to Literature and Art* (1980) (dlm. Mana Sikana, 1998:197). Kristeva kemudian melanjutkan proses dialog Bakhtin dengan merincikannya kepada beberapa prinsip asas seperti petikan (*quotation*), penyerapan (*absorption*), pemindahan (*transposition*) dan pengubahan (*transformation*) (Mawar, 2010:41).

Rumus intertekstualiti Kristeva mengatakan bahawa proses kreatif seseorang pengarang bertolak daripada teks yang lebih awal dengan berlaku beberapa proses pengubahan, penyerapan atau petikan. Kristeva melihat sesebuah teks terbina daripada pelbagai teks yang lebih awal dengan merincikan tiga perkara, iaitu apa proses yang berlaku? Bagaimana proses itu dilakukan? Mengapa proses itu dilakukan oleh pengarang? Menurut Kristeva, kreativiti seseorang individu ditentukan oleh unsur luaran dan unsur dalaman yang mendominasi pemikiran mereka. Dalam struktur atasan minda terkumpul segala unsur luaran, manakala unsur dalaman menghuni struktur bawahan minda. Unsur luaran merangkumi pengalaman pengarang, budaya, agama, kepercayaan, tradisi, aspek sosial, sejarah, moral, pendidikan, falsafah, sikap, ideologi serta apa-apa yang memberikan sumbangan kepada pembinaan sesebuah karya sastera. Unsur dalaman merujuk estetika, imajinasi dan ilusi pengarang.

Gabungan kedua-dua unsur, iaitu unsur luaran dan dalaman akan mempengaruhi kreativiti pengarang semasa proses penciptaan karya. Faktor luaran akan mempengaruhi pemikirannya dari aspek pemilihan tema, pelukisan latar dan penampilan watak dalam karya kreatif yang ditangani oleh pengarang. Malah intertekstualiti mentafsirkan sesebuah karya itu sebagai cerminan diri pengarang, dan semua yang berada dalam minda pengarang akan mengalir ke dalam karyanya semasa proses penciptaan kerana unsur luaran tidak boleh dipisahkan semasa proses penciptaan karya. Malah segala unsur ini akan menyerap ke dalam teks yang dihasilkan oleh pengarang dan boleh dikesan dalam karya pengarang terbabit. Proses ini penting untuk melihat fungsi dan tujuan kehadiran teks tersebut (Mawar, 2005:24).

Hubungan antara cerpen dengan novel melibatkan satu jalinan proses untuk membentuk karya baharu bukan sahaja dari segi bentuk malah makna. Fenomena ini dikesan sebagai salah satu idiosinkrasi kepengarangan S.Othman Kelantan yang cenderung untuk bereksperimen, khususnya dalam pembentukan semula teks awal dan ketekalan beliau mengajukan tema kehidupan masyarakat Melayu di Kelantan dalam sebahagian besar karyanya. Satu hal yang ingin ditegaskan adalah apabila intertekstualiti dikatakan menampakkan kehadiran pelbagai teks lain dalam sebuah teks

lain yang baru dihasilkan, maka tidaklah harus disalahtafsirkan dengan mengaitkannya dengan istilah seperti ciplak, plagiarisme atau epigon, dan seumpamanya. Intertekstualiti bukan bermakna mengizinkan seseorang itu melakukan “jenayah” sastera. Intertekstualiti tidak sahaja tertumpu pada soal pengaruh dalam penciptaan karya sastera, tetapi pendekatan ini lebih menitikberatkan komponen yang membina sesebuah teks seperti melihat transformasi, perubahan atau penentangan terhadap satu atau lebih sistem yang ada dalam sesebuah karya sastera, termasuklah sudut pengertian, simbol dan bentuknya. Dengan konsep intertekstualiti dapat mengelakkan diri daripada berbicara tentang jenayah sastera meskipun unsur itu merupakan salah satu faktor yang mendorong seseorang itu berkarya (Kristeva, 1980:36).

Kristeva (1974:14-16 dan 60-63) menyatakan bahawa intertekstualiti mempunyai prinsip dan kaedahnya yang tersendiri dalam penelitian sesebuah karya sastera. Pertama, intertekstualiti melihat hakikat sesebuah teks yang di dalamnya terdapat pelbagai teks. Kedua, intertekstualiti menganalisis sesebuah karya itu berdasarkan aspek yang membina karya tersebut, iaitu unsur struktur seperti tema, plot, watak dan bahasa, serta unsur di luar struktur seperti sejarah, budaya, agama dan lain-lain yang menjadikan sebahagian daripada komposisi teks. Ketiga, intertekstualiti mengkaji keseimbangan antara aspek dalaman dan luaran dengan melihat fungsi dan tujuan kehadiran teks tersebut. Keempat, teori intertekstualiti menyebutkan bahawa sesebuah teks itu tercipta berdasarkan karya lain. Kelima, Kristeva menyalurkan pengertian teks terutamanya yang hadir dalam sesebuah karya sastera itu, yang bukan semata-mata pada bahan cerita tetapi juga pada aspek struktur dan komponen yang membina karya itu, termasuklah aspek bahasa. Justeru, kajian ini akan memberikan tumpuan terhadap beberapa komponen yang membina sesebuah novel seperti tema, plot, latar serta pengaruh intertekstualiti yang ketara dalam ketiga-tiga komponen tersebut berteraskan prinsip intertekstualiti.

Bakhtin dan Kristeva telah menggariskan sepuluh prinsip asas intertekstualiti yang terlihat dalam sastera dan cara penulisan seseorang pengarang, iaitu transformasi, modifikasi, demitefikasi, ekserp, konvensi, eksistensi, defamiliarisasi, paralel, ekspansi dan haplologi (Mohd Pozi, 2004: 635). Prinsip yang terlibat menunjukkan setiap teks yang terlibat mempunyai perkaitan yang jelas dengan teks yang lain. Menurut A. Teeuw (1984:145), prinsip ini bererti bahawa setiap teks sastera yang dibaca dan harus dibaca dengan latar belakang teks lain. Tidak ada satu teks pun yang sungguh-sungguh mandiri, dalam erti kata bahawa penciptaan dan pembacaannya tidak dapat dilakukan tanpa adanya teks lain sebagai contoh, teladan dan kerangka.

Pemahaman teks yang baharu memerlukan latar belakang pengetahuan tentang teks yang mendahuluinya.

Transformasi bermakna pemindahan, penjelmaan dan penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain. Pemindahan dan penukaran berlaku dalam pelbagai bentuk sama ada secara langsung ataupun tidak secara langsung. Malahan, sama ada disedari ataupun secara tidak disedari oleh pengarang. Pemindahan juga boleh berlaku secara formal ataupun tidak formal (sebahagian sahaja). Dalam perbincangan sesebuah teks, ada teks lain yang dibawa masuk secara penuh ataupun hanya sebahagian sahaja yang dirasakan sesuai dan yang kurang bersesuaian dihapuskan tanpa dipedulikan oleh penulisnya.

Transformasi formal berlaku apabila berlakunya pemindahan dari segi pola penceritaan dan juga corak penceritaan, dialog dan watak yang boleh dikenal pasti dengan jelas tanpa merujuk mana-mana teks yang lain. Transformasi bukan formal pula melibatkan hal yang tidak jelas kelihatan pada mata kasar dan berlaku peresapan daripada teks lain kepada teks yang ditulis. Kedua-dua transformasi ini berlaku hasil kebijaksanaan penulis melalui cara, kaedah dan kreativiti masing-masing. Hal ini disokong oleh Umar Junus (1985:88). Beliau menyatakan bahawa transformasi ialah penukaran sesuatu teks kepada teks yang lain yang berlaku secara formal dan abstrak. Transformasi formal ialah transformasi fizikal, iaitu pemindahan yang dapat dikesan dengan jelas. Transformasi abstrak pula dapat dilihat melalui wacana aforisme yang meresap daripada sebuah teks kepada sebuah teks yang lain.

Transformasi ini juga berlaku dalam bentuk penjelmaan semula sama ada penjelmaan tema, persoalan ataupun struktur lain yang terlibat. Penjelmaan semula dilihat seolah-olah berlaku plagiat dalam karya yang ditulis, namun hasil kreativiti yang pelbagai menjadikan karya tersebut tidak nampak sebagai plagiat tetapi sebagai idea yang hadir secara spontan dan tidak meniru mana-mana gaya penulis yang lain. Penulis mungkin mengambil idea awal untuk disesuaikan dengan idea yang sudah ada dalam fikiran mereka. A. Teeuw (1984) pula berpendapat, meskipun berlaku transformasi, model teks yang sedia ada memainkan peranan penting, dan pemahaman teks baharu yang memerlukan latar belakang pengetahuan tentang teks yang mendahuluinya.

Modifikasi bermaksud penyesuaian, perubahan atau pindaan terhadap sesebuah teks dalam teks lainnya. Modifikasi sering dilakukan terhadap aspek pemikiran, tokoh, alur (plot) cerita dan gaya dalam karya. Menurut Partini (1968:63), modifikasi ialah pengubahsuaian yang membawa pengertian manipulasi kata dan urutan kata dalam sesuatu kalimat. Sesebuah teks yang hadir dalam teks dibuat pengubahsuaian sama ada dibaiki atau dilengkapkan

daripada cerita asal. Modifikasi berlaku apabila pengarang berasa perlunya perubahan separa, setengah ataupun sebahagian daripada cerita asal untuk disesuaikan dengan ceritanya. Perubahan yang dilakukan daripada teks asal tidak menjejaskan mana-mana mutu karya. Perubahan ini sebaliknya memberikan tambahan fakta kepada teks baharu untuk dikembangkan atau disesuaikan mengikut acuan budaya dan zaman.

Demitefikasi ialah penentangan terhadap karya yang muncul lebih awal. Mohd Pozi (2004:635) mengklasifikasikan demitefikasi sebagai penentangan terhadap pengertian karya asal dalam bentuk makna ataupun struktur asal. Karya asal dikatakan tidak memenuhi kehendak penulis dan berlaku penentangan pendapat terhadap pengertiannya. Menurut Mana Sikana (1994), dalam soal penentangan ini, proses demitefikasi melibatkan soal pemahaman seseorang pengarang terhadap teks yang asal. Proses demitefikasi menyebabkan pengarang kemudian tidak sependapat dengan pengarang asal. Penentangan pendapat ini menjadikan teks asal sudah tidak diberikan perhatian, namun telah cuba diubah suai mengikut kefahaman pengarang terkemudian. Bentuk penentangan terhadap hipogram memerlukan pengertian mendalam dan tinggi terhadap idea sebelumnya agar tiada berlaku penyelewengan fakta tanpa sebab yang munasabah. Meskipun berlaku percanggahan idea, karya yang asal masih menjadi inti pati idea dan menjadi subjek utama penulis teks yang baharu.

Pertentangan idea ini merupakan perkara biasa antara dua manusia yang mempunyai idea tersendiri dan mempunyai alasan tertentu untuk kebaikan karya masing-masing. Menurut A. Teeuw (1984) pertentangan yang berlaku menunjukkan pemberontakan atau penyimpangan mengandaikan adanya sesuatu yang dapat diberontak ataupun disimpangi. Pertentangan ini secara jelas menunjukkan tidak ada persetujuan pendapat pengarang sebelum ini. Namun, hal ini tidak membawa sebarang pertikaian kepada pengarang asal.

Ekserp ialah istilah yang diperkenalkan oleh Partini dalam tesisnya “Kakawin Gajah Mada (Sebuah karya sastera kakawin abad ke-20: Suntingan naskhah serta telaah struktur, tokoh dan hubungan antarteks)”. Ekserp bermaksud teks yang digunakan sama atau mungkin sama dengan inti sari, sebahagian, suatu petikan, suatu episod atau aspek daripada hipogram atau tipa induknya (Mana Sikana, 1986: 63). Persamaan ini terjadi sepenuhnya ataupun berlakunya guntingan beberapa episod daripada hipogram dan disesuaikan dengan episod tambahan yang baharu.

Menurut Riffaterre (1978), konversi ialah pemutarbalikan tipa induk atau hipogram atau penentangan terhadap teks yang asal (lebih awal).

Pemutarbalikan dalam konversi ini tidak sama dengan yang dibawa makna oleh demitefikasi. Konversi ini tidak menunjukkan berlakunya perubahan yang ketara dan tidak juga berlaku perubahan yang agresif. Teks yang asal masih dijadikan panduan sebelum dibuat pemutarbalikan isu yang ditulis. Malahan, pemutarbalikan teks daripada teks yang awal menunjukkan pengarang masih lagi berminat dan berpegang kepada idea yang sebelumnya. Sering kali juga pengarang berasa perlu dibuat pembaharuan dengan membuat rombakan idea dan data sedia ada untuk dimanipulasikan dalam karyanya. Rombakan yang dilakukan tidak memberikan kesan atau menjejaskan karya yang asal.

Eksistensi ialah sesuatu unsur yang diadakan dalam karya sastera dengan mengada-adakan cerita untuk dipanjangkan ataupun untuk menambahkan kepanjangan cerita (Mana Sikana, 1994:120). Eksistensi ini juga berlaku melalui penambahan episod dalam teks yang baharu. Penambahan episod ini kadang-kadang tidak melibatkan proses penyambungan cerita daripada teks yang asal dan berlaku juga episod yang dicipta itu tiada berkaitan langsung dengan teks yang asal, iaitu hanya sebahagian daripada episod tambahan idea pengarang. Hal ini menunjukkan idea yang tiba tiada kena-mengena dengan teks lama. Namun, subjek asalnya masih lagi melihat hipogram sebagai pencetus idea pengarang.

Defamiliarisasi bermaksud usaha pengarang untuk melahirkan unsur luar biasa dengan melakukan beberapa perubahan terhadap teks yang telah dibacanya seperti penyimpangan dari segi makna atau perubahan peranan watak dengan tujuan untuk memberikan penekanan atau pengertian baharu (Mana Sikana, 1994:120). Pembacaan terhadap teks asal memberikan ilham untuk memasukkan unsur luar biasa dari segi struktur penceritaan ataupun teknik. Unsur luar biasa ini menimbulkan pemahaman dan pengertian yang baharu daripada teks yang asal. Sering kali juga unsur luar biasa sukar diterima dan difahami. Ada juga yang membuatkan teks asal dirombak secara berlebihan sehinggakan terjadi kelainan yang nyata daripada teks yang asal kepada teks yang baharu. Idea asal juga sudah tidak dapat dikenal pasti kerana berlaku rombakan besar-besaran.

Paralel ialah keadaan berlaku keselarian, persamaan atau kesejajaran antara satu teks dengan teks yang lain (Mana Sikana, 1994). Antara teks yang awal dengan teks yang terkini berlakunya keselarasan idea untuk membentuk persamaan cerita. Apabila sudah ada persamaan dan kesejajaran, cerita yang dibawa tidak menunjukkan perbezaan yang nyata. Namun, apabila teks yang baharu dibina berdasarkan teks yang asal akan berlaku proses mandiri, iaitu cerita dalam teks yang baharu seolah-olah tidak menunjukkan

kebergantungan pada teks yang asal (hipogram). Meskipun begitu idea asalnya masih diletakkan pada teks hipogramnya.

Ekspansi bermaksud perluasan atau pengembangan terhadap sesuatu teks (Mohd Pozi, 2004:635). Proses perluasan dan pengembangan ini dilakukan apabila ilham timbul ekoran daripada bahan bacaan asas (hipoteks). Hipoteks terdiri daripada teks tradisional, teks pengarang itu sendiri, teks pengarang lain dan teks bukan kreatif. Semua hipoteks yang terlibat ini menjadi subjek utama kepada pengarang teks terkini untuk diadaptasikan dalam karya daripada teks asal. Secara umumnya, cerita yang dihasilkan dalam teks baharu menjadi lebih panjang dan lebih rumit kerana berlaku proses penambahan. Menurut Riffaterre (1978:5) ekspansi terjadi juga kerana adanya konflik hipogram ataupun berlakunya konflik dalaman pengarang hiperteks.

Apabila kegiatan pengembangan dilakukan, karya sastera akan menjadi bertambah dan episod yang terlibat juga mungkin berubah menjadi lebih banyak. Ekspansi ini memerlukan pemahaman yang mendalam terhadap hipoteks yang dibaca agar pengembangan yang dibuat tidak menampakkan cerita yang dibuat tidak ada perkaitan dengan teks asal. Begitu juga sebaliknya apabila teks asal jika tidak dijadikan panduan asas, maka proses perluasan berjalan dalam keadaan yang lompang tanpa memperlihatkan adanya kesinambungan dengan teks asal. Nyatanya, apabila adanya proses pengembangan dan perluasan dalam teks baharu tidak menunjukkan hipoteks tidak diperlukan. Malah, dalam hal ini hipoteks masih lagi menjadi keutamaan sebagai idea asal untuk memberikan ilham yang baharu kepada pengarang.

Haplologi ialah pengguguran, penghilangan, peninggalan, dan pembuangan (Mana Sikana, 1994:120). Proses pengguguran, penghilangan dan peninggalan ini dilakukan melalui suntingan hipoteks untuk disesuaikan dengan hiperteks. Pemilihan dan penyuntingan ini dibuat untuk menyesuaikan hiperteks dengan hipoteks yang dipilih. Pengguguran dilakukan dalam beberapa keadaan seperti menggugurkan terus episod atau cerita dalam hipoteks dan membina yang baharu berdasarkan fahaman terhadap teks awal tadi. Ada juga pengguguran yang dibuat sebahagian untuk memperlihatkan kesesuaian cerita asal dengan cerita yang baru. Kristeva (1980:101) menjelaskan bahawa sewaktu penyusunan sesebuah karya yang didasari oleh karya lain, haplologi ini sering berlaku.

Penghilangan pula ialah proses haplologi yang menunjukkan penulis cuba menghilangkan terus idea daripada hipoteks dan seolah-olah meletakkan hiperteksnya tidak bergantung pada yang asal. Namun, hakikatnya, idea asal masih lagi bergantung pada hipoteks. Proses ini juga menunjukkan

pengarang terpaksa tidak menggunakan teks yang ada seolah-olah mencuri ilham asal. Hakikatnya, pengarang masih lagi berpegang pada teks yang awal untuk berkarya.

Melalui novel *Juara* karya S. Othman Kelantan akan dilihat perkembangannya dengan memberikan titik fokus terhadap “hubungan antara teks” sama ada dari aspek tema atau teknik penulisannya. Penumpuan disalurkan kepada bagaimana “teks awal” mempengaruhi penghasilan “teks baharu” menerusi lensa intertekstualiti di samping memperjelas makna teks tersebut. Kaedah “silang genre” digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini penting untuk memperlihatkan hubungan antara teks, genre dan perubahan dalam proses kepengarangan S. Othman Kelantan. Maka, melalui penelitian terhadap pengarang tekal ini secara tidak langsung dapat melihat bentuk kepengarangan Melayu secara amnya.

DARIPADA CERPEN “PAHLAWAN LEMBU” KEPADA NOVEL *JUARA*

S. Othman Kelantan dilihat masih memperlihatkan kecenderungan melakukan proses pengembangan dalam karyanya pada dekad 1970-an. Ketekalan ini dilanjutkan pengarang berikutan keinginan untuk mempertegaskan pegangan beliau terhadap politik. Simbolis diberikan kepada “lembu” yang melambangkan sebuah “parti”. “Kepala lembu” mewakili golongan pejuang perintis yang terpaksa berlaga dan apabila beroleh kemenangan (makanan), maka perut akan kenyang (Ahmad Kamal, 1993:226). “Ekor lembu” merupakan simbolis terhadap rakyat jelata yang menerima akibat setiap perbuatan yang dilakukan oleh kepala dan badan lembu itu keseluruhannya atau dalam erti kata lain, rakyat sebagai ekor politik.

“Kaki lembu” pula mencerminkan rakyat biasa yang memberikan sokongan untuk memenangkan orang-orang politik. Melalui aktiviti perlagaan lembu, secara tidak langsung pengarang memperlihatkan pergolakan politik yang berlaku dalam dekad selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pergolakan dan pertarungan yang terpaksa dilalui dalam suatu perebutan jawatan dan kepentingan dalam politik disamakan keadaannya seperti perlagaan lembu itu sendiri. Tuan punya lembu harus bijak memainkan tipu muslihat dan lembu yang dilagakan pula harus mematuhi setiap gerak langkah tuannya bagi memenangkan tuan itu sendiri. Hal ini diakui sendiri oleh Dharmawijaya (2004: 18) bahawa, *Juara* merupakan novel politik yang teradun padat dengan perlambangan. S. Othman Kelantan dikesani

Jadual 1 Proses intertekstual dalam *Juara*.

Unsur dalam <i>Juara</i>	Proses Intertekstual
Persoalan	i. Transformasi isu politik dan kebudayaan masyarakat Kelantan. ii. Eksistensi isu pendidikan.
Plot	i. Mengada-adakan dan mengembangkan plot selepas kematian Abang Lazim.

melakukan beberapa proses intertekstual khususnya terhadap persoalan dan plot dalam hiperteks. Proses intertekstual dalam *Juara* dinyatakan dalam Jadual 1. Perbincangan yang berkaitan dengan pemerihalanan Jadual 1, dilanjutkan dalam penggalan sub judul seterusnya.

TAFSIRAN SEJARAH DAN POLITIK

Novel politik merupakan genre yang secara langsung berhubung dengan aspek penting dalam pemerihalanan politik. Aspek tersebut merupakan bahan utama bagi karya berkenaan dan bukan semata-mata sebagai latar belakang atau sebagai persoalan sampingan. Tegasnya, novel politik mengemukakan kehidupan politik sebagai pokok persoalannya (Safian Hussain, 1988:214).

Novel *Juara* dikesani sebagai sebuah novel yang dilimpahi dengan isu politik dan kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan. Isu politik yang cuba disampaikan pengarang melalui hiperteks ini ialah perbalahan dua parti besar di Kelantan, iaitu Parti Perikatan Rakyat (UMNO) dan parti pembangkang. Hal ini tercetus selepas pilihan raya umum Malaysia 1969. Namun begitu, pengarang dengan sengaja memasukkan “keracauan waktu” bagi menguji tahap kepekaan pembaca.⁶

Sebagai seorang yang mempunyai sensitiviti yang tinggi terhadap politik, S. Othman kelihatan cenderung memasukkan isu politik sebegini dalam karyanya. Hal ini dibenarkan dengan kenyataan pengarangnya bahawa, beliau turut berpolitik dan menceburi politik kepartian malah hampir menjadi calon dalam suatu pilihan raya (Ahmad Kamal, 1993:226). Walaupun tidak jadi bertanding, S. Othman Kelantan tetap mengikuti perkembangan politik dan menggalakkan anak-anaknya aktif dalam bidang ini (S. Jaafar, 1986:18). Pada hemat beliau, seseorang itu akan mempunyai ruang yang sempit untuk berkhidmat jika tidak berpolitik. Oleh hal yang demikian, S. Othman Kelantan bertindak melakukan penyelidikan terperinci terhadap peristiwa bersejarah ini dan mengaplikasikannya dalam novel *Juara* dan hal ini diakui Abdullah

(1994:343). Pelbagai episod dimasukkan pengarang bagi menggambarkan kekacauan parti yang berlaku, misalnya:

... Ketika-ketika pengorbanan orang lain akan menyelamatkan orang lain. Dan, dengan tiba-tiba Mamat teringat akan perjuangannya untuk memberikan keselamatan kepada orang lain untuk memerdekakan Tanah Melayu. Dia seperti Calet, memenangkan orang lain ...

(2004:12).

...“Saya sudah sangat tua dalam perjuangan. Sebab itu saya lemah. Kerana lemah, tenaga saya sudah tidak diperlukan lagi. Rakyat telah menolak saya. Perjuangan masih perlu. Tapi apa boleh buat. Rakyat sendiri menentukan kedudukan. Masing-masing kita haruslah mengucapkan selamat jalan kepada politik apabila rakyat membuktikan bahawa mereka tidak mahu!”...

(2004:18).

“Kekecewaan” yang diluahkan S. Othman Kelantan merujuk kekalahan sebuah parti yang bertanggungjawab dan berjasa dalam usaha memerdekakan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah. Sebaliknya, kemenangan dalam pilihan raya diberikan kepada parti lain yang tidak menyumbangkan apa-apa peranan dalam kemerdekaan Tanah Melayu dan pembentukan negara Malaysia pada 16 September 1963. Oleh itu, S. Othman Kelantan menggunakan wadah novel bagi memperjelas sensitiviti yang kemungkinan tidak disedari khalayak sebelum ini. Pengkalan isu politik oleh pengarang kepada hiperteks merupakan satu proses transformasi yang memperlihatkan peranan dan pemahaman teks awal amat memacu kepada penghasilan *Juara*.

Kebangkitan semangat nasionalisme peringkat kedua dikesan berlaku pada awal gerakan penentangan terhadap Malayan Union oleh pihak British pada 1 April 1946. Penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946 menggabungkan suara pertubuhan Melayu untuk menentang Malayan Union. Akhirnya penggabungan tersebut membuahkan hasil apabila Malayan Union dibubarkan pada tahun 1949.

Perubahan pucuk pimpinan UMNO daripada Dato’ Onn kepada Tunku Abdul Rahman dilihat sebagai arus kebangkitan nasionalisme peringkat ketiga, iaitu perjuangan menuntut kemerdekaan negara. Perjuangan menuntut kemerdekaan diperteguh dengan persepakatan melalui PERIKATAN antara kaum Melayu, Cina dan India di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Pada tahun 1956, Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan ke London untuk

membincangkan perkara tentang kemerdekaan. Rundingan ini mengambil masa tiga minggu di London.

Perjanjian London 1956 ditandatangani pada 8 Februari 1956 yang menyatakan persetujuan memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Sekembalinya ke Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman mengumumkan tarikh kemerdekaan di Melaka. Pada tahun tersebut juga suatu Suruhanjaya Perlembagaan Komanwel ditubuhkan untuk menggubal perlembagaan. Suruhanjaya Perlembagaan Komanwel atau lebih dikenali sebagai Suruhanjaya Reid yang dipengerusi oleh Lord Reid dari British terdiri daripada pakar undang-undang dari negara Komanwel. Laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Reid dipinda oleh Jawatankuasa Kerja dan diluluskan oleh Majlis Undangan Persekutuan.

Bendera Union Jack, iaitu bendera British diturunkan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur pada tepat pukul 12 malam 31 Ogos 1957. Kemudian, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan di Stadium Merdeka. Jemaah Menteri diumumkan juga pada hari pengisytiharan kemerdekaan. Begitulah sebahagian rentetan getir perjuangan menuntut kemerdekaan oleh UMNO yang diketuai oleh Bapa Kemerdekaan Malaysia, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Namun apabila pilihan raya diadakan, amat sukar diterima apabila parti tersebut gagal mendapat undian rakyat seolah-olah menggambarkan jasa mereka selama ini tidak dihargai. Justeru, kaedah transformasi isu politik ini dikekalkan pengarang bagi memberikan penegasan terhadap pendirian beliau sebagai “orang berpolitik” berdasarkan pengalaman yang dialami beliau sendiri.

Di bucu lain, tulisan A.Rahim Abdullah (2004) dalam “Juara: Antara Teknik dan Intertekstualiti” menyatakan bahawa S.Othman Kelantan turut melakukan kerja transformasi. Proses transformasi ini diserlahkan menerusi adegan perlawanan filem cowboy dan watak wira (protagonis) melawan penjahat (antagonis) yang agak konversi seperti yang terdapat dalam hikayat Melayu lama. Namun, beliau berpendapat bahawa S.Othman Kelantan telah menyesuaikan dengan proses atau tahap perkembangan novel di Malaysia. Selain yang dinyatakan, turut ditemukan juga paparan unsur kebudayaan masyarakat Kelantan.

DIALOG TEKS DENGAN KONTEKS SOSIALNYA

Hiburan tradisional Kelantan merupakan sebahagian aktiviti kebudayaan yang diwarisi sejak zaman sebelum kedatangan pihak Inggeris lagi (Hamidah,

1982:53). Hiburan ini kemungkinan dibawa dari negara luar, namun telah disesuaikan dengan keadaan masyarakat Melayu Kelantan. Raja atau pembesar zaman dahulu bertindak sebagai penaung perkembangan bentuk hiburan. Golongan ini membiayai orang yang berkebolehan dalam lapangan tertentu disebabkan tujuannya adalah sebagai hiburan pihak atasan. Hiburan berfungsi sebagai eskapisme⁷ kepada masyarakat untuk menyenangkan hati dan merehatkan minda setelah penat bekerja.

Hiburan tradisional bercorak permainan dapat memenuhi masa lapang seseorang. Menurut Hamidah (1982:54), seorang ahli psikologi G.T.W. Patrick pernah menyatakan bahawa setiap orang berkehendakkan waktu rehat untuk mengatasi ketegangan yang dilaluinya sehari-hari. Justeru, unsur paling baik bagi memenuhi masa lapang adalah dengan mengambil bahagian dalam permainan. Kebanyakan permainan dijalankan dengan cara bertanding. Terdapat tiga jenis hiburan tradisional di Kelantan, iaitu terdiri daripada manusia, manusia dengan benda dan haiwan. Namun, kajian ini memberikan penekanan terhadap hiburan tradisional yang terdiri daripada haiwan, iaitu pertandingan laga lembu.

Berlaga lembu hanya melibatkan dua ekor lembu dan tidak melibatkan manusia dengan lembu. Aktiviti ini menjadi kebudayaan masyarakat Kelantan yang dipelihara zaman-berzaman. C.C Brown (1928: 74) menerusi “Kelantan Bull-Fighting” dalam *JMRAS* (vol.6) menyatakan bahawa perlawanan lembu berasal dari negara Siam. Pada zaman Sultan Muhammad ke-IV, baginda memberikan kebebasan kepada rakyat untuk mendirikan bon⁸ (gelanggang) lembu dan membenarkan permainan ini diadakan di seluruh Kelantan. Namun pada tahun 1917, kebebasan tersebut ditarik balik. Hanya sultan dan raja muda saja yang berhak mempunyai bon.

Sebelum pertandingan laga lembu dimulakan, satu istiadat memuja binatang akan dilakukan oleh bomoh masing-masing dalam satu majlis yang disebut “kembang”. Lembu akan dimandikan dengan bedak langir atau melimau. Lembu tersebut sekali lagi dipuja sebelum dibawa masuk ke gelanggang. Sebelum perlagaan dimulakan, juara akan memilih dan menetapkan setiap lembu yang mengambil bahagian. Setelah penetapan diputuskan, pemilik lembu dibenarkan memeriksa lawannya dengan cara menyapu tengkuk, kepala dan tanduk dengan kain basah untuk memastikannya tidak disapu barang larangan misalnya ubat pemedih mata atau lemak harimau. Masa yang diperuntukkan untuk perlawanan ini ialah 30 hingga 45 minit. Kalah menang ditentukan apabila salah seekor antara mereka melarikan diri daripada perlawanan. Dikesani, perlagaan lembu mempunyai

unsur perjudian yang memperlihatkan pertarungan sesama penonton. Hal ini dipamerkan pengarang dalam petikan di bawah:

... Dan, petang itu kumpulan Aral berhimpun di rumah Mamat. Berita tentang Aral akan diadakan sudah mengembang ke seluruh kawasan dan daerah Bangnara. Penjudi-penjudi lembu sudah mula menaburkan wangnya untuk menahan ganda. Pemegang-pemegang ganda sudah menyediakan orang-orang tengah untuk memegang sebanyak mungkin perjudian sekarang. Setiap kawasan akan dikunjungi oleh orang-orang penjudi untuk pergandaan itu ...

(2004:211)

Dalam konteks *Juara*, tindakan pengarang mentransformasikan kembali isu kebudayaan ini seakan-akan menjelaskan lagi kedudukan pertandingan laga lembu dalam kalangan masyarakat Kelantan. Kedatangan pihak Inggeris pada tahun 1910 telah membawa perubahan besar terhadap perkembangan unsur hiburan tradisional ini. Istana yang sebelum ini menjadi pusat pengembangan unsur budaya telah dinafikan haknya. Campur tangan Barat telah menyebabkan istana tidak lagi berfungsi seperti sebelumnya kerana corak pentadbiran baharu telah diperkenalkan. Misalnya kedudukan kewangan golongan pemerintah terhad kerana mereka diberi gaji tetap oleh pihak Inggeris. Hal ini menyebabkan mereka tidak lagi mampu untuk membiayai kumpulan hiburan di istana. Unsur seni dan mainan yang berkembang ini rata-rata berorientasikan kebendaan dan bermatlamatkan keuntungan semata-mata. Media massa seperti radio, televisyen dan majalah merupakan antara medium hiburan yang popular pada ketika ini. Fikiran masyarakat mula menjejak dalam dunia nyata sehingga soal warisan nenek moyang tersebut dilupakan begitu sahaja. Selain campur tangan British dalam hal-hal kebudayaan, bidang pendidikan turut terpalit tempiasnya.

Isu pendidikan turut mengalami perubahan setelah kedatangan British di Tanah Melayu. Penjajah meninggalkan sistem pendidikan yang terus mengekalkan orang Melayu dalam keadaan tertindas (Shamsul Amri, 2007: 113). Sistem pendidikan British pada masa itu sekadar menjadikan petani Melayu lebih baik daripada ibu bapa mereka. Hal ini diburukkan lagi dengan keadaan sekolah Melayu yang tidak mempunyai perabot yang mencukupi, kekurangan buku teks dan ibu bapa yang sudah mula hilang kepercayaan terhadap sekolah Melayu (Laporan Barnes, 1951). Namun begitu, novel ini memaparkan sisi lain yang memperlihatkan penekanan terhadap kepentingan pendidikan yang diserlahkan oleh pengarang;

... Jusuh masih belajar di sebuah sekolah Inggeris di Pasir Mas. Dia mengharapkan anak laki-laknya ini akan beroleh tempat tegaknya yang baik di Kelantan. Dia mengharapkan Jusuh akan tetap naik dengan pelajarannya. Janganlah menerima nasib sepertinya. Tenaganya tidak diperlukan selepas merdeka. Susunan-susunan pekerjaan didasarkan kepada kelulusan-kelulusan. Dan, dia yang lulus Darjah Dua sebelum perang, mengetahui sedikit-sedikit bahasa Inggeris kerana pergaulan, tidak dapat menapak ke dalam pekerjaan-pekerjaan yang disusun selama ini. Dia tercampak ...

(2004:17)

... Mamat melihat ke dalam dirinya. Dia telah gagal untuk menempatkan dirinya dalam negara merdeka kerana tapak tegaknya dalam politik. Dan tidak cukup persediaan untuk dirinya sendiri. Persediaan itu ialah pelajaran! Jusuh, jangan! Fikir Mamat dalam hati. Jusuh jangan masuk politik. Jangan. Jusuh mesti menghabiskan pelajarannya betul-betul. Ya Tuhan! Doanya. Biarlah Jusuh mendapat tempat tegak baik di tanah airnya Kelantan! Yang Tuhan! ...

(2004:116)

Melalui petikan ini, didapati pengarang semacam menggambarkan kekesalan penglibatan Mamat dalam kancah politik, yang dikuatkan lagi dengan paparan watak Mamat yang belum bersedia dari segi ilmu pengetahuan. Isu kepentingan ilmu pengetahuan adalah bertepatan dengan latar peribadi S.Othman Kelantan yang merupakan seorang sarjana sasterawan. Tindakan pengarang mengada-adakan isu pendidikan dilihat ahli intertekstual sebagai kerja eksistensi.

Berbalik pada konteks kehidupan sebenar, S. Othman Kelantan merupakan seorang yang peka terhadap isu semasa dan hampir melibatkan diri dalam politik kepartian. Hal ini diakui sendiri oleh beliau menerusi JAMBAK 1 bahawa, cerpen "Pahlawan Lembu" menggambarkan kepekaannya terhadap politik. *Juara* memperlihatkan bahawa terdapat proses gabungan teks luaran (latar peribadi) dan teks dalaman (kreativiti dan ideologi kepengarangan). Novel ini dianggap khalayak dan pengkritik sebagai novel yang sarat dengan alegori politik dan kejengkelan pengarang terhadap kekusutan yang berlaku dalam politik negara. Kenyataan ini diperkuat dengan kenyataan S. Othman Kelantan bahawa cerpen "Pahlawan Lembu" merupakan simbolis dirinya terhadap politik. *Juara* dikarang berdasarkan gambaran tentang dilema yang dihadapi oleh tokoh perintis yang berjuang bermati-matian untuk memerdekakan negara, namun tidak mendapat apa-apa ganjaran. Sebaliknya,

orang yang berjuang kemudian memperoleh faedah yang besar dan ganjaran yang lumayan (Ahmad Kamal, 1993:226). Oleh hal yang demikian, makna dalam *Juara* bersifat rencam tafsiran.

PENYESUAIAN HIPERTEKS

Plot dalam hiperteks nyata dikerjakan pengarang dengan lebih baik. Terdapat proses intertekstual seperti penambahan bab, mengada-adakan cerita dan penyesuaian jalan cerita dalam *Juara* yang dilakukan pengarang melalui proses modifikasi. Tindakan ini dicetuskan pengarang apabila merasakan perlunya perubahan penuh daripada hipoteks untuk disesuaikan dengan jalan cerita hiperteks yang lebih panjang dan rumit dengan isu-isu politik. Dikesani, pengubahsuaian yang dikerjakan terhadap *Juara* menjadikannya sebuah novel yang lebih lengkap daripada cerita asal. Perubahan yang dilakukan ini tidak menjejaskan mutu karya. Perubahan ini memberikan tambahan fakta kepada *Juara* kerana teksnya dikembangkan atau disesuaikan mengikut acuan budaya dan zaman semasa.

Hal ini ditukangi pengarang berikutan mahu mempertegas dan memperjelas lagi pandangan beliau terhadap isu politik. Pandangan ini dikongsikan S. Othman Kelantan dalam *Jambak 1* bahawa, faktor pendorongnya mengembangkan cerpen menjadi novel adalah untuk mempertegas pegangan dalam diri beliau bahawa politik itu pun lembu juga (Ahmad Kamal, 1993: 227). Novel merupakan medium yang menawarkan ruang kreativiti yang lebih luas berbanding novel. Hal ini diakui oleh S. Othman Kelantan sendiri bahawa melalui novel, ruang keterbatasan dapat diperluas dan segala hujah dapat dipamerkan dengan lebih kukuh. Melalui keluasan ruang penceritaan itu akan dapat dilihat dengan lebih jelas bahawa, dari satu segi politik itu kotor dan berpunca daripada orang-orang politik itu sendiri. Yang berikut ialah keseseluruhan plot *Juara*:

Bab 1

Cerita 1	Peristiwa kematian Abang Lazim
Cerita 2	Peristiwa kematian Calet
Cerita 3	Mamat mengenang kembali penglibatannya dalam parti politik sepuluh tahun lalu
Cerita 4	Sani, Jali dan Semail mencari Mamat
Cerita 5	Mamat ke Kelantan bersama anaknya, Mat San dan Faisah

Cerita 6	Mat San meminta pertolongan Jaafar Beruang untuk menjejaki Pak Isa
Cerita 7	Mamat membuat persediaan rapi dengan lembunya, Aral
Cerita 8	Mamat mahu membela nasib keluarga Abang Lazim dan keluarganya sendiri
Cerita 9	Aral sengaja diracuni
Cerita 10	Mamat diserang Aral yang naik minyak akibat minum arak bercampur tuak
Cerita 11	Mamat dan Aral dirawat

Dikesani, plot hiperteks mengalami perubahan ketara apabila plot dimulai dengan episod kematian Abang Lazim. E.M Foster cenderung menganggap istilah plot dan watak sebagai saling bertentangan, sekurang-kurangnya dalam novel, apabila plot yang terencana dengan rapi mengandungi beberapa konflik serta penyelesaiannya mungkin dicapai dengan mengorbankan watak-watak yang meyakinkan (Johan, 1983:31). Plot kemudian mencapai kemuncaknya apabila pengarang memperagakan episod pembalasan dendam Mamat terhadap Pak Isa. Peleraian novel ini disudahi dengan episod kematian Pak Isa. Hal ini bertepatan dengan dasar plot yang merupakan naratif tentang aksi yang dirangsangkan, yang melibatkan konflik atau persoalan yang akhirnya diselesaikan.

Tindakan ini dilakukan S. Othman Kelantan bertujuan untuk menyuntik elemen baharu dalam hiperteks. Perubahan yang dibuat merangkumi penambahan episod setelah kematian Abang Lazim adalah bagi menimbulkan konflik dalam diri Mamat. Sebagai seorang yang rapat dengan Abang Lazim, kematiannya sudah tentu menimbulkan rasa ketidakpuashatian dalam hati Mamat. Masukan unsur ketegangan (*suspense*) misalnya peristiwa Aral diracuni mampu melonjakkan kemarahan dalam diri Mamat.

Bab 2

Cerita 1	Mamat terkenang saat dia dan kawan-kawannya berjuang menuntut kemerdekaan
Cerita 2	Mamat terkenang waktu dia mula-mula berpindah ke Bangnara

Bab ini seakan-akan mencerminkan pemikiran pengarang terhadap politik. Antaranya termasuklah beberapa isu seperti kemiskinan, ketidakadilan, pergolakan dalam parti misalnya. S. Othman Kelantan memperlihatkan

pandangan dan pengalamannya sewaktu terlibat dalam kancah politik pada suatu ketika dahulu. Beberapa pilihan struktur dilakukan pengarang termasuklah melalui persoalan tentang kemiskinan dan keracauan dalam parti, plot yang lebih kukuh, gambaran latar yang jelas kedudukannya dan pelukisan watak yang lebih meyakinkan.

Didapati bahawa bab tiga dalam *Juara* terkandung hipoteks yang dipindahkan secara penuh oleh S. Othman Kelantan. Tindakan ini dicetuskan pengarang apabila merasakan perlunya perubahan separa, setengah ataupun sebahagian daripada cerita asal untuk disesuaikan dengan ceritanya. Sesebuah teks yang hadir dalam teks dibuat pengubahsuaian sama ada dibaiki atau dilengkapkan daripada cerita asal. Perubahan yang dilakukan daripada teks asal tidak menjejaskan mana-mana mutu karya. Perubahan ini memberikan tambahan fakta kepada teks baru untuk dikembangkan atau disesuaikan mengikut acuan budaya dan zaman semasa.

Bab 4

Cerita 1	Mamat menasihati Jusuh supaya belajar bersungguh-sungguh
Cerita 2	Mamat dan Mat San meragui kesanggupan Jaafar Beruang untuk menolong mereka
Cerita 3	Jali melatih Aral sebagai persediaan untuk bertanding
Cerita 4	Isteri Mamat memarahi Mamat yang berkeras mahu menyaksikan perlagaan lembunya
Cerita 5	Jali, Mat San dan Salim membawa Aral ke bong
Cerita 6	Aral berjaya mengalahkan lawannya, Nibung
Cerita 7	Sani terserempak dengan Dolah Munduk
Cerita 8	Pak Isa masih melarikan diri dan dikenalpasti bersembunyi di Pahang
Cerita 9	Dolah Munduk yang parah dipukul ditemui orang kampung
Cerita 10	Mamat berpuas hati dengan kemenangan Aral
Cerita 11	Minah didatangi Jali
Cerita 12	Minah dan Faisah dikunjungi sersadu-sersadu Siam bertanyakan kes pembunuhan Dolah Munduk
Cerita 13	Jali, Sani, Semail dan Mat San melarikan diri
Cerita 14	Jali meminta pertolongan Usin, seorang gangster kampung untuk menjejaki Pak Isa
Cerita 15	Mamat pulang ke rumah

Menerusi bab empat, S.Othman Kelantan secara nyata menyelitikan kepentingan ilmu pengetahuan kepada generasi muda walaupun lahir dalam keluarga yang kurang berkemampuan. Berbeza dengan politik, ilmu pengetahuan bersifat tiada had. Menurut Noraziah (2002), secara umumnya ilmu didefinisikan sebagai pengetahuan dan kepandaian tentang sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah dan metod tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan sesuatu yang berkaitan dengan bidang ilmu tersebut. Ilmu pengetahuan pada lazimnya terdapat dalam dua bentuk, iaitu ilmu pengetahuan nyata (*explicit knowledge*) dan ilmu pengetahuan tidak nyata (*tacit knowledge*). Ilmu pengetahuan nyata boleh didapati kebanyakannya dalam bentuk dokumen bercetak manakala ilmu pengetahuan tidak nyata pula terdapat dalam idea, minda, amalan harian, pengalaman, memori dan seumpamanya yang kebiasaannya sukar dilihat dengan mata kasar.

Perkembangan dan kemajuan sesuatu bangsa di dunia ini berkaitan rapat dengan kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan yang terdapat pada sesuatu bangsa itu sendiri. Justeru, Islam mengingatkan tentang hakikat ini menerusi pelbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Penekanan terhadap kepentingan dan keperluan menuntut ilmu membuktikan bahawa Islam merupakan agama yang memartabatkan ilmu pengetahuan dan orang berilmu. Baginda Rasulullah SAW bersabda dalam hadisnya yang bermaksud, “menuntut ilmu itu adalah wajib atas tiap-tiap orang Islam lelaki dan perempuan. Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahawa menuntut ilmu itu merupakan suatu perkara yang penting dan menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam.

Perletakan ilmu pada tahap yang tinggi berkaitan rapat dengan latar peribadi S. Othman Kelantan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Sastera daripada Universiti Sains Malaysia (USM) pada 1983 sebelum memperoleh Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1995. Beliau merupakan seorang ahli akademik dengan berpengalaman sebagai guru (1952-1979), tutor Bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia (1980-1983) dan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (1983-1996). Jawatan terakhirnya sebagai Profesor Madya dan Karyawan/Pensyarah Tamu di Universiti Malaya (1997-1999) (A.M Thani dan Sarah Sadon, 2005:632). Berdasarkan latar pendidikan S. Othman Kelantan, tidak hairanlah terdapat unsur kepentingan ilmu pendidikan dalam karyanya.

Bab lima, iaitu bab terakhir dalam *Juara* memaparkan cerita peleraian dengan episod kematian Pak Isa. Cerita ditamatkan dengan cara sebegini

bertujuan untuk memberikan unsur dramatik terhadap sesebuah karya. Antara mesej yang cuba disampaikan oleh S. Othman Kelantan adalah tentang hukum karma.⁹ Masyarakat Hindu beranggapan bahawa hukum karma ini berlaku terhadap semua makhluk. Mereka menganggap karma ialah “hukum balasan”. Itulah hukum mutlak yang tidak menerima kompromi. Setiap tindakan seseorang, sama ada baik maupun buruk ada balasannya. Justeru itu, S. Othman Kelantan meletakkan hukum karma terhadap perbuatan jahat yang dilakukan oleh Pak Isa terhadap Abang Lazim. Hutang darah dibayar dengan darah.

KESIMPULAN

Terdapat hubungan yang bersifat intertekstual dalam penghasilan novel Melayu yang diwakili oleh S. Othman Kelantan. Pelbagai proses intertekstual berlaku dalam *Juara* misalnya transformasi, eksistensi dan modifikasi. Namun, prinsip yang paling dominan dalam *Juara* ialah modifikasi yang memperlihatkan penyesuaian plot untuk memperkukuh jalan cerita yang sarat dengan gelombang politik. Fenomena hubungan antara teks serta proses keanjalan yang membenarkan teks awal berubah kepada bentuk relatif baharu sama ada dari sisi bentuk mahupun kandungannya. Kekreatifan pengarang mengadun semula teks awal dalam hiperteks menyatakan bahawa setiap karya sastera akan terus “hidup”, dapat diperpanjangkan hayat persoalan, diperdalam gejolak jiwa watak atau dikemaskinikan maknanya berdasarkan perkembangan semasa. Kreativiti menjadikan sesebuah karya Melayu tidak bersifat jumud sebaliknya menjadikan teks bersifat heteroglosia dan pengarangnya bersifat kreatif-inovatif.

NOTA

1. Novel yang secara langsung berhubung dengan aspek penting dalam kehidupan politik. Aspek tersebut merupakan bahan utama bagi karya, bukan hanya semata-mata sebagai latar belakang atau persoalan sampingan. Novel politik mengemukakan kehidupan politik yang menjadi pokok persoalannya (Safian Husin, 1981:214).
2. Bermaksud penyaduran atau pengolahan sesebuah karya dalam medium yang berlainan. Sumber asal dinyatakan, iaitu disebutkan bahawa karya berkenaan merupakan adaptasi daripada karya lain. Nada, peristiwa, gaya, perwatakan dan latar dikekalkan sejauh yang diusahakan (Rahman Shaari, 1987:2). Proses adaptasi daripada novel yang biasanya berteraskan tiga pendekatan, iaitu adaptasi penuh, diilhamkan (*inspired by*) dan didasarkan (*based on*) diguna pakai bagi melakukan proses tersebut (http://cinemamalaysia.com.my/article/read/Utusan-Malaysia/Potensi_Filem_Adaptasi_4532).
3. Mengisahkan dua beradik, iaitu Ali dan Zahra yang hidup dalam serba kedaiifan di

selatan Tehran. Suatu hari, Ali mengambil sepasang kasut milik adiknya yang dibaiki dari sebuah kedai. Dalam perjalanan pulang, secara tidak sengaja ada seorang pengganggu mengambil kasut tersebut yang ditinggalkan Ali di sebuah kedai menjual sayuran. Dengan perasaan hampa Ali pulang dan memberitahu adiknya, Zahra bahawa kasutnya sudah hilang. Kejadian tersebut menyebabkan Zahra terpaksa meminjam kasut abangnya untuk ke sekolah. Mereka bergilir-gilir memakai kasut yang sama kerana Zahra bersekolah di sebelah pagi dan Ali bersekolah pada waktu petang. Mereka tidak sanggup untuk meminta ibu bapa membelikan kasut yang baru kerana faham tentang kemelaratan hidup yang dialami, tambahan pula kedua-dua orang tua mereka sudah uzur. Sesuai dengan judulnya “anak-anak syurga”, filem mini sarat dengan tema kasih sayang sesama ahli keluarga walaupun hidup dalam serba kekurangan. Filem ini diarahkan oleh Majid Majidi pada tahun 1997 dan pernah dicalonkan dalam Anugerah Academy untuk Anugerah Filem Asing Terbaik pada tahun 1998 (http://en.wikipedia.org/wiki/Children_of_Heaven).

4. *Slumdog Millionaire* dihasilkan pada tahun 2008 dan diarah oleh Danny Boyle. Filem ini membawa tema kemiskinan masyarakat India di bandar Mumbai. Filem ini menceritakan tentang seorang budak jalanan, Jamal Malik dan abangnya Saleem yang pada ketika usia mudanya telah melalui pelbagai pengalaman pahit getir mendapatkan wang untuk meneruskan hidup. Keadaan sekeliling sangat memberikan kesan kepada hidup mereka termasuk terlibat dalam aktiviti kecurian, sindiket perdagangan orang, pembunuhan dan pelacuran. Namun begitu, nasib Jamal Malik berubah setelah dia memenangi pertandingan “Siapa Mahu Jadi jutawan”. Filem ini menelan belanja sehingga 13 million dolar dan dilakonan oleh Dev Patel dan Freida Pinto. Ia turut memenangi pelbagai anugerah misalnya Academy Awards (2009), BAFTA Awards, Golden Globe Awards dan Goya Awards (http://en.wikipedia.org/wiki/Slumdog_Millionaire).
5. *Jogho* berhasil mendapat RM400,000 dari kutipan panggung. (<http://kamarul.wordpress.com/2006/10/16/joghojuara/>).
6. “Keracauan” waktu ini lebih merujuk pergolakan politik semasa di Kelantan khususnya dan Malaysia umumnya pada waktu itu. Novel ini mengangkat perlambangan yang khusus merujuk pergolakan politik di Kelantan pada dekad 60-an dan 70-an khususnya era Asri Haji Muda dan Mohd Nasir. Keracauan waktu ini jelas merujuk situasi politik ketika itu (rakaman wawancara dengan S.M Zakir, 2014).
7. Merupakan keadaan yang mengalihkan perhatian dan fikiran seseorang kepada satu alam lain, umpamanya dengan memasuki alam khayal terutama melalui alam hiburan. Tujuannya adalah untuk menghindari diri daripada alam nyata yang mungkin tidak menyenangkan atau melepaskan diri daripada terlalu memikirkan kerja rutin yang menjemukan (Rahman Shaari, 1987:82).
8. Bon dibina sebesar gelanggang bola sepak biasa. Di tengahnya dikhaskan satu kawasan yang dipagar dengan kukuh. Orang yang bertindak menguruskan perlawanan tersebut ialah tuan punya binatang (unar), gembala (terinar), pengadil (ketua bon), 12 orang juara (juara pengadu) dan beberapa orang bomoh (Hamidah Yaacob, 1982: 78).
9. Karma berasal daripada bahasa Sanskrit, iaitu “karma” yang bermaksud bertindak atau tindakan dalam agama dan falsafah Hindu/India. Dalam konsep “karma”, semua yang dialami manusia ialah hasil daripada tindakan kehidupan masa lalu dan sekarang. Karma berkaitan erat dengan kelahiran kembali (reinkarnasi). Segala perilaku baik maupun buruk seseorang saat ini juga akan membentuk karma seseorang dalam kehidupan berikutnya (<http://global.britannica.com/topic/karma>).

RUJUKAN

- A.M Thani dan Sarah Sadon (peny.), 2005. *Wajah Biografi Penulis*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Rahim Abdullah, 2004. Dlm Mohd Daud Mohammad & Muhammad Ikhran Fadly Hussin (pnyr). *Pemikiran Sasterawan Negara S.Othman Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Tahir, 1990. *Dunia dalam Ruang Perjalanan* dlm. *Dewan Sastera* hlm. 70-74, April, 1990.
- Ahmad Kamal Abdullah, 1993. *Jambak I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah, 1993. *Jambak II*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allen, Graham. 1999. *Intertextuality*. London: Routledge.
- Brown, C.C., “Kelantan Bull-fighting”, *JMBRAS* 6, hlm. 74, 1922.
- Dharmawijaya. “Menimang Kaca, Menatang Intan” dlm. *Dewan Sastera* hlm. 17-18, Mac, 2004.
- Hamidah Yaacob, 1982. *Hiburan Tradisional Kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Hanapi Dollah, 2004. *Juara: Bacaan Budaya Pantai Timur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- http://cinemamalaysia.com.my/article/read/Utusan-Malaysia/Potensi_Filem_Adaptasi_4532
- http://en.wikipedia.org/wiki/Slumdog_Millionaire
- http://en.wikipedia.org/wiki/Children_of_Heaven
- <http://kamarul.wordpress.com/2006/10/16/joghojuara/>
- <http://arkib.gov.my/webguest/pilihanraya-umum-ketiga-tahun-1969>
- http://www.arkib.gov.my/malayan_union
- <http://pustakailmudotcom.wordpress.com/2012/03/20/judi-dalam-pandangan-islam/>
- <http://global.britannica.com/topic/karma>
- http://www.jais.gov.my/index.php?option=com_content&task=view&id=98&Itemid=1
- Johan Jaafar (ptrj), 1983. *Pengenalan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kristeva, Julia, 1974. *Revolution in Poetic Language*. New York: Columbia UP.
- Mana Sikana, 1986. *Pendekatan dan Kaedah Kritikan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti
- Mana Sikana, 1994. *Tuah- Jebat dalam Novel Melayu: Satu Kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mana Sikana, 1998. *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mawar Safei, 2005. “*Kajian Bandingan Novel Intertekstual Melayu*”. Tesis Doktor Falsafah Institut Pendidikan Kebangsaan, Universiti Teknologi Nanyang.
- Mawar Safei, 2010. *Novel Intertekstual Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mawar Safei, 2010. "Kecenderungan Merentas Ilmu dalam Cerpen Azmah Nordin" dlm. *Dewan Sastera* hlm. 25-30, Januari 2010.
- Mohd Pozi Haji Masurori. 2004. "*Hikayat Syah Kobat: Analisis struktur dan intertekstualiti*". Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Puzhi Usop (ptrj)., 2012. *Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*. Batu Caves: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Noraziah Sharuddin, 2002. *Forum Memori Korporat Utm*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Partini Sarjono Prodokusumo, 1986. *Kakawin Gajah Mada (Sebuah Karya Sastera Kakawin Abad ke-20: Suntingan Naskah Serta Telaah Struktur, Tokoh Dan Hubungan Antarteks)*. Bandung: Binacipta.
- Rahman Shaari, 1987. *Glosari Istilah Kesusasteraan Sastera*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing and Distributors Sdn. Bhd.
- Riffaterre, Michael, 1978. *Semiotics of Poetry*. Bloomington: Indiana University Press.
- S. Jaafar Husin. "S. Othman Kelantan-Sastera: Berfungsi tapi Bukan Propaganda (Wawancara)" dlm. *Dewan Sastera* hlm.16-19, April 1986.
- Syed Othman Syed Omar, 2004. *Berjalan-jalan di Sini: Kumpulan Cerpen S.Othman Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- S. Othman Kelantan, 2004. *Juara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussain. "Novel-Novel 70-An Dan Hubungannya Dengan Kegiatan Berkarya Sebelumnya" dlm. *Dewan Sastera* hlm. 38-45, Januari 1981.
- Safian Hussain dan Mohd Thani Ahmad, 1988. *Glosari istilah kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shannon Ahmad, 1972. *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu
- Shamsul Amri Baharuddin, 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Teeuw, A., 1984. *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera*. Jakarta: Dunia Pustaka Jaya.
- Umar Junus, 1985. *Teori Resepsi*. Jakarta: Gramedia.
- Wawancara secara bebas menerusi e-mel dengan S.M. Zakir pada tahun 2014.
- Yazid Abdul Kadir Jawas, 2004. *Kitab Syarah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah*. Bogor: Penerbit Pustaka Al-Taqwa.

Received: 27 October 2016

Accepted: 30 November 2016